

20 SEP 2002

BELANJAWAN-HUTANG LAPUK

CUKAI JUALAN DAN PERKHIDMATAN YANG TIDAK DIKUTIP DIKLASIFIKASIKAN

SEBAGAI HUTANG LAPUK

KUALA LUMPUR, 20 Sept (Bernama) -- Kerajaan telah mencadangkan cukai jualan dan perkhidmatan yang telah dijelaskan oleh pemegang lesen dianggap sebagai hutang lapuk jikalau pemegang lesen tidak dapat memungut hutang daripada pelanggan selepas tempoh dua belas bulan daripada tarikh cukai dijelaskan.

Cadangan tersebut yang akan berkuatkuasa mulai 1 Januari 2003 juga boleh diguna pakai pelanggan telah diistiharkan muflis di bawah Akta Bankrupsi 1967 atau pelanggan telah diletakkan dibawah penerima atau official assignee.

Ia juga boleh diguna pakai dalam keadaan di mana pelanggan telah diperintah oleh makamah untuk penggulangan atau pemegang lesen menfailkan tuntutan ke mahkamah untuk menuntut hutang cukai berkenaan atau tindakan kebangkrapan telah difailkan dimakamah terhadap pelanggan.

Cadangan ini telah dibuat oleh Perdana Menteri Datuk Dr Mahathir Mohamad semasa membentangkan Belanjawan 2003 di Dewan Rakyat di sini hari ini.

Beliau yang juga menteri kewangan berkata, setelah dianggap sebagai hutang lapuk, pemegang lesen layak memohon pulang cukai berkenaan tertakluk kepada syarat yang akan ditetapkan.

Pada masa ini, cukai jualan dan cukai perkhidmatan yang kena dibayar oleh pemegang lesen perlu dijelaskan kepada kerajaan apabila genap tempoh bercukai yang ditetapkan walaupun ianya tidak dipungut daripada pelanggan.

Di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan Perkhidmatan 1975, tiada peruntukan yang membenarkan cukai yang tidak dapat dipungut daripada pelanggan dianggap sebagai hutang lapuk. -- BERNAMA

SM OS